

Penuntut Perhutanan UMS bersihkan Pantai Tanjung Lipat

Oleh Azri Onn Othman
bhvarsiti@bharian.com.my

SEKOLAH Perhutanan Tropika Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut menyumbang bagi menjadikan Kota Kinabalu sebagai Bandar Raya Pelancöngan Semula Jadi yang indah, selamat dan selesa serta bebas sampah.

Dekannya, Prof Madya Dr Mahmud Sudin berkata sekolah itu tertarik dengan pelbagai program untuk menjadikan bandar raya itu hijau dengan landskap semula jadi pokok tropika. Tindakan undang-undang akan diambil terhadap pembuang sampah yang mengotorkan persekitaran ibu negeri.

Katanya, program yang dijalankan pihak berkuasa tempatan terbabit ternyata memberi keselesaan kepada warga bandar raya kerana persekitaran yang indah, bersih dan bebas sampah.

Beliau berkata, sekolah itu juga akan memberi kerjasama kepada DBKK untuk mencari pokok yang sesuai ditanam di bandar

raya bertepatan kepakarannya dalam bidang berkenaan.

"Program gotong-royong membersihkan pantai Tanjung Lipat, Teluk Likas adalah permulaan kepada kerjasama erat terutama untuk keindahan dan kebersihan bandar raya Kota Kinabalu," katanya berucap pada majlis gotong-royong membersihkan pantai Tanjung Lipat, baru-baru ini.

Dianggarkan, seberat satu tan metrik sampah dikutip yang turut disertai Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Program dua jam disertai 100 pelajar Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa bermula jam 8 pagi dengan keluasan kawasan pembersihan adalah lingkungan satu kilometer di pesisiran pantai.

Peserta program, Clentina Conrad, 21, berkata mereka menemui pelbagai jenis sampah yang dipercayai dibuang penduduk di tebing Sungai Likas ke dalam sungai yang kemu-

dian hanyut ke Tanjung Lipat dan dibawa ombak ke pantai.

Katanya, bahan buangan itu akhirnya mengotori pantai dan jika tiada program kesedaran penjagaan alam sekitar dan kebersihan untuk penduduk kampung berkenaan, pantai Tanjung Lipat akan terus dikotori sampah.

Seorang lagi pelajar, Ronson Sausun, 23, berkata, beliau sering melihat pelancong ke kawasan Tanjung Lipat membuang sampah merata tempat.

"Pantai yang cantik dengan pemandangan laut, deretan kapal dan pulau di sekitar Kota Kinabalu seperti Pulau Gaya dan Pulau Sepanggar akan dijauhi pelancong kerana kotor.

"Ini akan merugikan kita kerana sepatutnya pelancong akan membanjiri pantai Tanjung Lipat dan menjamu selera di Anjung Selera, Likas dekat pantai itu yang menguntungkan peniaga tempatan di situ, namun persekitaran kotor menyebabkan mereka menjauhinya," katanya.

